



The Observer

31.12.2021

Kami ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru 2022 kepada para pembaca. Semoga kita dikurniakan rezeki dan kesihatan yang baik serta dilimpahi kegembiraan dan kebahagiaan.

❖ Pelbagai risiko dan peluang menanti pemegang saham minoriti pada 2022

Pendek kata, tahun 2022 menandakan tahun ketiga berturut-turut yang mana dunia masih bergelut dengan komplikasi COVID-19 yang belum bertemu jalan penyelesaian, selepas ia mula-mula tersebar pada awal tahun 2020.

Dalam negara, 2021 terus menyaksikan kemusnahan yang signifikan terhadap sektor sosio-ekonomi akibat kehilangan mata pencarian dan penutupan perniagaan yang disebabkan oleh penguatkuasaan sekatan pergerakan secara total. Ini terpaksa dilakukan bagi membendung penularan jangkitan COVID-19 yang menyaksikan sistem penjagaan kesihatan negara adakalanya tidak mampu menampung jumlah kes yang meningkat di samping kadar kematian yang tinggi.

Mengandaikan dunia terus terperangkap dalam ketidaktentuan untuk tahun ketiga berturut-turut, berikut adalah beberapa senario yang boleh dijangka oleh rakyat Malaysia pada tahun hadapan:

- **Pertempuran diteruskan untuk melawan Omicron dan varian Covid-19 lain yang akan dikenal pasti tidak lama lagi:** Tiada siapa dapat memastikan sama ada dunia secara beransur-ansur beranjak dari peringkat pandemik ke endemik, atau jika program vaksinasi semasa di peringkat domestik dan global dapat mengawal krisis kesihatan di seluruh dunia.

Gelombang terbaru COVID-19 menyaksikan suntikan vaksin penggalak bukan lagi menjadi pilihan malah suatu keperluan. Ini menjejaskan keyakinan kita terhadap fasa pemulihan di peringkat global ketika dunia melangkah ke tahun 2022.

- **Sekatan pergerakan kembali lagi:** Sewaktu surat berita ini ditulis, Belanda telah mendahului negara-negara Eropah lain dengan mengumumkan langkah sekatan penuh berikutan penularan pantas kes baharu varian omicron yang mengatasi varian delta yang dominan sebelum ini.

Sebahagian besar negara Eropah telah mendahului Amerika Syarikat dalam menguatkuasakan semula perintah berkurung, arahan penutupan premis dan sekatan perjalanan. Ireland mengenakan perintah berkurung di pub bermula jam

8 malam manakala Greece, Itali dan Sepanyol telah memandatkan semula pemakaian pelitup muka sewaktu berada di luar. Di Austria, orang tanpa bukti vaksinasi atau pemulihan COVID-19 hanya boleh meninggalkan rumah atas sebab-sebab tertentu.

Melihat perkembangan yang tidak menyenangkan ini, pelabur perlu bersedia untuk berhadapan penggantungan sementara proses pengeluaran, sekatan perjalanan dan pergerakan serta gangguan terhadap rantai bekalan yang bakal memberi kesan bukan sahaja kepada syarikat penerima pelaburan mereka malah menjejaskan momentum pasaran.

Dari sudut positif, pihak berkuasa (termasuk pengawal selia pasaran) pastinya sudah mengambil pengajaran daripada pengalaman terdahulu mengenai langkah paling berkesan untuk menangani impak pandemik pada kali ini.

- **Teka-teki PRU15:** Sesiapa sahaja boleh meneka bilakah Malaysia akan mengadakan pilihan raya umum yang akan datang walaupun secara rasminya Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) mesti diadakan pada atau sebelum Julai 2023.

Senario politik semasa yang tidak menentu meningkatkan prospek pilihan raya persekutuan diadakan lebih awal.

Seperti yang berlaku dalam pilihan raya sebelum ini, keputusan PRU15 akan mempengaruhi hala tuju pasaran saham serta saham individu yang dianggap 'berkaitan' dengan ahli politik yang memenangi kerusi.

- **Peralihan dasar kewangan:** Malaysia melalui peralihan dasar daripada dasar monetari yang akomodatif dan pengembangan fiskal kepada penjimatan dan penyatuan. Ini meningkatkan risiko turun naik dalam pasaran saham pada tahun 2022 tetapi ia hanya mungkin berlaku pada setengah tahun kedua 2022 dan/ atau selepas PRU15.

Sehingga itu, Kenanga Research menjangkakan keadaan akan menyokong pulangan pasaran saham yang positif disebabkan kecairan kekal mencukupi, manakala nilai mulai muncul selepas kemerosotan pasaran yang mendadak dan prestasi serantau yang rendah pada tahun 2021.

"Disebabkan kebimbangan yang berpunca daripada bencana banjir baru-baru ini, keputusan pendapatan suku keempat 2021 yang tersirat telah mencadangkan bahawa pendapatan pada suku akhir 2021 adalah yang paling rendah," tambah firma penyelidikan itu.

- **Kekangan fiskal:** Suatu perkara yang menarik untuk diperhatikan - bagaimanakah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bagi tempoh 2021 hingga 2025 yang dipadankan dengan mempercepat Revolusi Perindustrian Ke-4 (4IR) akan memacu pertumbuhan ekonomi dan pada masa yang sama mengawal perbelanjaan kerajaan selepas bergelut dengan salah satu kejutan ekonomi terbesar negara?

Untuk 2021, RHB Research meramalkan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia dikekalkan pada 5.4% tahun ke tahun manakala

pertumbuhan untuk 2022 diunjurkan pada 5.5% dengan potensi cenderung untuk meningkat.

Hutang kerajaan mencecah 64.3% daripada KDNK pada suku tahun kedua 2021, selepas melonjak daripada 52.5% daripada KDNK pada suku tahun keempat 2019. Fitch Solutions Country Risk and Industry Research memberikan tanggapan bahawa ambang 70% sudah tidak begitu jauh.

- **Kesan sampingan Cukai Makmur:** Cukai makmur dikenakan ke atas keuntungan korporat yang melebihi ambang RM100 juta pada kadar 33% dan bukannya 24% seperti yang dinyatakan sebelum ini, untuk tahun taksiran 2022 (tahun kewangan 2022). Cukai makmur sekali sahaja ini bakal mengisi tabung Kerajaan dengan sejumlah kira-kira RM3.9 bilion. Pemegang saham minoriti pasti terkesan disebabkan bahagian untuk pembayaran dividen menjadi semakin kecil. Untuk syarikat awam tersenarai (*public limited companies, PLC*) pula, jumlah yang tersedia sebagai dana janaan dalaman juga akan berkurangan. Namun, melihat dari sudut yang lebih luas, cukai ini akan memberi manfaat kepada rakyat yang merupakan pemegang kepentingan yang mustahak dari perspektif PLC.

Menurut CGS-CIMB Research, Kerajaan mungkin menjana pendapatan bersih tambahan berjumlah RM400 juta daripada perubahan yang dibentangkan dalam Bajet 2022 seperti berikut:

- Kenaikan 50% dalam kadar duti setem ke atas nota kontrak untuk dagangan saham di Bursa Malaysia daripada 0.1% kepada 0.15%;
- Pemansuhan had duti setem RM200; dan
- Pengecualian cukai perkhidmatan 6% ke atas perkhidmatan pembrokeran yang berkaitan dagangan saham.

Bagaimanapun, pada 30 Disember 2021, Kementerian Kewangan mengumumkan bahawa had duti setem bagi dagangan saham akan dikembalikan semula kepada RM1,000, dengan kadar 0.15%. Perkembangan ini amat dialu-alukan oleh pemain pasaran saham.

Sementara itu, rasional kenaikan kadar levi keuntungan durian runtuh bagi Sabah dan Sarawak daripada 1.5% kepada 3% adalah untuk menyelaraskan levi dengan Semenanjung Malaysia, yang membayar levi sebanyak 3% sejak 2008. Perubahan ini dilihat kurang menghukum ke atas pasaran saham berbanding cukai keuntungan modal.

- **Penggantungan jualan singkat IDSS, PDT dimansuh selepas 22 bulan:** Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Bursa Malaysia Berhad (Bursa Malaysia) akan memansuhkan penggantungan sementara jualan singkat intra hari (*intraday short selling, IDSS*) dan jualan singkat intra hari oleh pedagang harian persendirian (*short sale by proprietary day traders, PDT*) seperti yang dijadualkan iaitu pada 1 Januari 2022.

Kedua-dua penggantungan sementara ini dijadualkan tamat pada 31 Disember 2021 selepas dua lanjutan daripada tempoh tamat asalnya pada 28 Februari dan selanjutnya, pada 29 Ogos 2021. Penggantungan sementara itu dilaksanakan pada Mac 2020 berikutan kemerosotan ekuiti global pada ketika itu.

- **Usah pandang remeh risiko ESG:** Berlatarkan perubahan yang berterusan serta cabaran berkaitan COVID-19, isu-isu berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance, ESG*) semakin mendapat perhatian dalam kalangan syarikat, pelabur, pengawal selia, agensi kerajaan dan pihak berkepentingan lain.

Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan kesedaran orang ramai terhadap isu-isu yang mendesak seperti perubahan iklim, kemusnahan alam sekitar dan hak asasi manusia. Isu berkaitan ESG semakin pantas menjadi risiko perniagaan yang baharu dan mendesak bagi sesebuah syarikat disebabkan oleh potensi magnitud dan kesannya terhadap prestasi kewangan dan operasi. Oleh itu, pemegang saham minoriti perlu berhati-hati kerana kegagalan mematuhi elemen ESG boleh mempengaruhi harga saham.

- **Penghujung kekukuhan pasaran sarung tangan:** Hampir kesemua firma penyelidikan sebulat suara bahawa unjuran jangka pendek bagi pembuat sarung tangan kekal lemah berikutan penurunan harga jualan purata (*average selling price, ASP*). Volum jualan yang lebih rendah pula menjurus kepada kebiasaan dinamik antara bekalan dan permintaan di peringkat global.

Ibarat luka disirami garam, situasi ini diburukkan lagi oleh isu-isu lain seperti kadar penggunaan yang lebih rendah, peningkatan kos operasi disebabkan prosedur operasi standard (*standard operating procedures, SOP*) yang lebih ketat serta kekurangan tenaga kerja.

Selain itu, kita tidak dapat mengelakkan persaingan sengit daripada pembuat sarung tangan China yang menawarkan harga begitu rendah. Pemain baharu yang bergegas memasuki sektor sarung tangan sewaktu pasaran berada di kemuncak pada akhir 2020, juga mempengaruhi daya saing harga.

- **Prospek harga minyak sawit mentah (*crude palm oil, CPO*) yang bercampur-campur:** Tahun 2022 berkemungkinan akan terbahagi kepada dua apabila melihat trend harga minyak sawit mentah. Harga pada setengah tahun pertama 2022 akan kekal tinggi sebelum menyusut selepas itu berikutan jangkaan pemulihan pengeluaran minyak sawit pada setengah tahun kedua 2022.

"Kami mengunjurkan harga jualan purata untuk minyak sawit mentah bagi tahun 2022 adalah pada RM3,200 per tan metrik (penghujung 2021: RM4,300 per tan metrik). Kami meragui jangkaan pemulihan bekalan minyak sawit pada tahun 2022 akan mengatasi unjuran harga jualan purata tahun ke tahun kami yang lebih rendah," Maybank IB Research mengutarakan pendapat mereka dalam tinjauan sektor perladangan 2022.

"Walau bagaimanapun, pasaran tidak pernah menganggap harga minyak sawit mentah semasa yang melebihi RM5,000 per tan metrik sebagai mampan, yang dibuktikan oleh kenaikan harga minyak sawit mentah yang perlahan dalam Indeks Perladangan Kuala Lumpur. Ini sebahagiannya disebabkan oleh kebimbangan terhadap faktor alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance, ESG*) berikutan beberapa syarikat besar sedang disiasat oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (*US Customs*

and Border Protection, CBP) atas dakwaan amalan pengurusan buruh yang lemah.”

- **Kemampuan pasaran yang dikuasai peruncit:** Setakat ini, 2021 merupakan pasaran yang didorong oleh peruncit dengan pelabur runcit secara kumulatif menjadi pembeli bersih ekuiti syarikat-syarikat Malaysia dengan nilai RM12.44 bilion pada minggu berakhir 24 Disember.

Sebaliknya, institusi tempatan dan pelabur asing merupakan penjual bersih, masing-masing berjumlah RM9.27 bilion dan RM3.17 bilion. Secara ringkas, 2020 menyaksikan kemunculan golongan peruncit sebagai pembeli bersih yang berjumlah RM13.84 bilion diikuti oleh institusi tempatan pada RM10.41 bilion. Pelabur asing pula berperanan sebagai penjual bersih yang berjumlah RM24.75 bilion.

Bagaimanakah penyertaan pasaran pada tahun 2022? Ia masih menjadi tanda tanya. Kebimbangan telah dibangkitkan tentang kemampuan penyertaan peruncit memandangkan faktor turun naik yang tinggi ini mungkin memberi kesan buruk kepada kuasa pegangan mereka berbanding dana asing dan institusi tempatan.

- **Normalisasi kadar faedah:** Malaysian Rating Corp Bhd (MARC) menjangkakan Bank Negara Malaysia (BNM) akan mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (*overnight policy rate*, OPR) pada 1.75% sebelum ia menormalkan kadar faedah selepas pertengahan tahun 2022.

Sementara itu, Fitch Solutions Country Risk & Industry Research menjangkakan bank pusat akan meningkatkan kadar dasar semalaman sebanyak 2.25% pada 2022 bagi melindungi nilai ringgit dan mengekalkan kelebihan kadar faedahnya.

Ingatkah bagaimana persekitaran kadar faedah yang rendah (OPR pada 1.75%) yang dilaksanakan sejak 7 Julai 2020 telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan penyertaan sektor runcit di Bursa Malaysia? Namun demikian, pemerhati pasaran telah menyatakan kebimbangan terhadap pasaran yang dipacu oleh kecairan tanpa sebarang asas.

Namun begitu, ramalan kenaikan OPR adalah sejajar dengan perkembangan ekonomi Amerika Syarikat yang mana Rizab Persekutuan berkemungkinan akan menaikkan kadar faedah seawal Mac 2022 bagi menghadapi “kadar inflasi yang membimbangkan”.

Pegawai rasmi Rizab Persekutuan menjangkakan tiga kenaikan kadar faedah pada tahun 2022 diikuti tiga lagi pada tahun 2023. Pelarasan dua takuk juga akan dibuat pada tahun 2024, menjadikan kadar dasar utama menghampiri 2%.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 3 hingga 7 Januari 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
03.01.22 (Isnin) 10.00 pagi	Poh Kong Holdings Bhd (AGM)	<p>Keuntungan sebelum cukai Poh Kong melonjak 35.5% kepada RM52.8 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding tahun sebelumnya, terutamanya disumbangkan oleh peningkatan jualan barang kemas dan produk pelaburan emas. Walaupun Kumpulan mencatatkan keputusan yang memberangsangkan, sekatan pergerakan (PKP 2.0 dan PKP 3.0) pada tahun 2021 ternyata menjejaskan perniagaan Kumpulan yang menyaksikan penurunan mendadak dalam pendapatan sepanjang tempoh ini.</p> <p>Kumpulan akan terus memantau dengan teliti segala ketidakpastian yang disebabkan oleh pandemik. Mereka yakin sudah bersedia untuk melaksanakan langkah-langkah yang mencukupi bagi mendepani cabaran yang bakal ditempuhi dalam tahun kewangan 2022.</p>
06.01.22 (Khamis) 10.00 pagi	SYF Resources Bhd (AGM)	<p>Pengambilalihan 100% kepentingan dalam M&A Securities Sdn Bhd oleh SYF daripada Incas Berhad dengan balasan RM222 juta menimbulkan persoalan kerana syarikat itu tidak mempunyai pengetahuan atau pengalaman dalam perniagaan pembrokeran saham. Umum mengetahui perniagaan pembrokeran saham mempunyai ramai pemain yang sudah lama</p>

		bertapak dan marginnya berdepan tekanan disebabkan oleh persaingan yang sengit.
06.01.22 (Khamis) 10.00 pagi	RGT Bhd (EGM)	RGT berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk memperoleh baki 40% pegangan dalam Rapid Growth Technology Sdn Bhd (RGTSB) pada harga RM85.6 juta, yang akan dipenuhi melalui penerbitan 267.5 juta saham dalam RGT pada harga terbitan 32 sen sesaham. RGT sudah pun memiliki 60% kepentingan dalam RGTSB.
06.01.22 (Khamis) 10.30 pagi	Top Glove Corporation Bhd (AGM)	Syarikat merancang untuk meningkatkan pengeluaran sarung tangan semasa daripada 100 bilion keping setahun kepada 200 bilion keping setahun menjelang 2025. Langkah ini menimbulkan persoalan kerana Harga Jualan Purata (<i>Average Selling Price, ASP</i>) sedang dalam trend menurun apabila kapasiti meningkat disebabkan ramai peserta baharu memasuki industri ini.
07.01.22 (Jumaat) 10.30 pagi	Poly Glass Fibre (M) Bhd (EGM)	Poly Glass Fiber mengumumkan cadangan untuk menerbitkan 79.99 juta Saham Keutamaan Boleh Tukar Tak Boleh Tebus Baharu (<i>Irredeemable Convertible Preference Shares, ICPS</i>) berdasarkan satu ICPS bagi setiap dua saham biasa sedia ada dalam syarikat.
07.01.22 (Jumaat) 10.30 pagi	V.S. Industry Bhd (AGM)	Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM4.00 bilion pada tahun kewangan 2021, meningkat 23.4% tahun ke tahun daripada RM3.24 bilion pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan dua angka ini sebahagian besarnya

		disumbangkan oleh pesanan jualan yang lebih tinggi yang diterima daripada pelanggan utama di Malaysia dan Indonesia. Kumpulan mencatatkan keuntungan bersih paling tinggi sepanjang masa, melonjak 2.1 kali ganda atau 110.6% tahun ke tahun kepada RM245.4 juta berbanding RM116.5 juta pada tahun kewangan 2020.
--	--	--

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu untuk diketengahkan
Poh Kong Holdings Bhd (AGM)	<p>Sekatan pergerakan (PKP 2.0 dan PKP 3.0) memberi kesan buruk terhadap perniagaan Kumpulan yang menyaksikan penurunan mendadak dalam pendapatan sepanjang tempoh ini. Walau bagaimanapun, Kumpulan bertindak pantas dengan mengambil langkah untuk meningkatkan jualan dengan cara meningkatkan kapasiti untuk berinteraksi secara digital dalam talian, perdagangan secara langsung serta aktiviti pemasaran digital dan aplikasi mudah alih. Namun demikian, peningkatan mendadak dalam jualan dalam talian sebanyak lebih 157% berbanding tahun kewangan lepas adalah tidak sebanyak jualan sebenar yang diperolehi menerusi 89 kedai fizikalnya (halaman 25 dan 36, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Bagaimanakah tahap pemulihan dalam jumlah pelanggan yang memasuki kedai dan berapakah jualan yang diperolehi dari kedai fizikal sejak pelonggaran sekatan akibat COVID-19 pada Ogos 2021? Adakah pihak pengurusan menjangkakan pemulihan jualan yang perlahan dari kedai fizikal? Jika ya, bagaimanakah Kumpulan menangani cabaran ini?</p> <p>b) Melihat dari sudut lanskap pengguna, berapakah nisbah perolehan dalam talian berbanding jualan tradisional yang dijangka oleh Kumpulan pada masa hadapan?</p> <p>c) Poh Kong telah memperkenalkan program kesetiaan mudah alih, Jeweland, yang bertujuan meningkatkan penglibatan dan interaksi dengan pelanggannya (halaman 40, Laporan Tahunan 2021). Sejauh manakah kejayaan aplikasi mudah alih ini sejak ia dilancarkan? Berapa ramai pengguna telah mendaftar dalam aplikasi ini?</p>

	<p>d) Koleksi barangan kemas Poh Kong kini sudah tersedia di tapak e-dagang terkemuka seperti Lazada, Shopee, Superbuy dan ia menambah satu lagi platform dalam talian iaitu Vettons pada tahun kewangan 2021 (halaman 40, Laporan Tahunan 2021). Apakah rancangan syarikat untuk mengembangkan platform dalam talian? Sila huraikan lebih lanjut tentang hala tuju dan strategi digital syarikat. Apakah metrik yang digunakan oleh lembaga pengarah untuk memantau kemajuan Kumpulan dalam e-dagang?</p>
SYF Resources Bhd (AGM)	<p>Pada 6 Oktober 2021, Syarikat memeterai perjanjian penjualan saham dengan Mieco Chipboard Berhad, untuk melupuskan kesemua 20,000,000 saham biasa, yang mewakili 100% kepentingan ekuiti dalam Seng Yip Furniture Sdn Bhd, sebuah syarikat subsidiari milik penuh SYF, dengan pertimbangan berjumlah RM50.00 juta. (Halaman 17, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Apakah rasional penjualan Seng Yip Furniture Sdn Bhd sedangkan pembuat perabot menikmati perniagaan yang pesat di sepanjang tempoh pandemik?</p> <p>b) Berapakah keuntungan daripada pelupusan ini??</p>
Top Glove Corporation Bhd (AGM)	<p>Syarikat merancang untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran sarung tangan daripada 100 bilion keping setahun kepada 201 bilion keping setahun menjelang 31 Disember 2025. (Halaman 52, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Apakah rasional pertambahan yang signifikan ini memandangkan Harga Jualan Purata (<i>Average Selling Price, ASP</i>) sarung tangan sedang berada dalam trend menurun? Apatah lagi, pasaran menyaksikan kemasukan ramai pemain baharu disebabkan permintaan yang meningkat akibat pandemik.</p>
V.S. Industry Bhd (AGM)	<p>Baru-baru ini, aktivis hak pekerja asing, Andy Hall telah mengulas tentang kebajikan pekerja yang dikaitkan dengan beberapa syarikat perkhidmatan pembuatan elektronik (<i>electronics manufacturing services, EMS</i>) tempatan, termasuk V.S. Untuk menjernihkan keadaan, V.S. Industry segera menghubungi Hall berkenaan kebimbangan yang disuarakan.</p> <p>a) Apakah isu spesifik yang dibangkitkan oleh Hall?</p> <p>b) Adakah V.S. berjaya menangani sepenuhnya kebimbangan yang dibangkitkan oleh Hall? Apakah tindakan selanjutnya oleh syarikat, jika ada?</p>

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)
Linnert Hoo, Ketua, Penyelidikan & Pembangunan, (linnert.hoo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)
Rita Foo, Pengurus, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Nor Khalidah Mohd Khalil, Eksekutif, Pemantauan Korporat, (khalidah@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*
-

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.